

# Raja Tun Mohar kuat

UM - 9 JUN 2003

Oleh SYAHRIL A. KADIR

**K**UALA LUMPUR 8 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Allahyarham Raja Tun Mohar Raja Badiozaman sebagai seorang yang sangat kuat bekerja sehinggalah di saat-saat akhir kematiannya.

Menurut Dr. Mahathir, sebelum berkhidmat dengannya sebagai penasihat khas ekonomi, Raja Mohar pernah menyandang jawatan yang sama kepada dua bekas Perdana Menteri sebelum ini.

“Beliau seorang yang kuat bekerja sehinggalah ke akhir hayat,” katanya dalam nada sebak selepas menziarahi jenazah Ra-

ja Mohar di kediamannya di Jalan Damai di sini hari ini.

Selain Perdana Menteri, turut menziarahi jenazah Allahyarham ialah Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid serta Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku

Ja'afar Tuanku Abdul Rahman dan Permaisuri Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin.

Raja Mohar, 81, meninggal dunia di Pusat Perubatan Pantai di sini pagi ini.

Allahyarham, yang sering mengadu sesak nafas, dimasukkan ke pusat perubatan itu dua minggu lepas dan baru kembali

## bekerja — PM

dari mendapat rawatan di London bulan lalu.

Semasa hayatnya, beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi Institut Pengurusan Malaysia, Pengerusi Syarikat Penerbangan Malaysia, Pengerusi Bank Islam Berhad, Pengerusi Petronas, Pro Canselor Universiti Teknologi Malaysia dan kini Pengerusi Perusahaan Otomobil Kedua (Perodua).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula berkata, kematian Tun Mohar adalah satu kehilangan yang besar kerana beliau banyak membantu kerajaan dalam merancang ekonomi dengan baik dan cekap.

“Kita amat menghargai jasanya kepada negara,” katanya.

Bagi Pengarah Urusan Perodua, Tan Sri Abdul Rahman Omar, Raja Mohar sangat terkenal dengan sifat rendah diri dan beliau sangat senang bekerja dengan Allahyarham.

“Bila ada masalah, saya akan ke rumahnya dan dia akan memberikan panduan dan nasihat dalam mentadbir,” ujarnya lagi.